

Bil. S 3

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Perkara 80)

PERINTAH PERLEMBAGAAN

(RAYUAN KEPADA SULTAN DALAM MAJLIS MESYUARAT) (PINDAAN), 2008

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pindaan S 103/59.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Perkara 80)

PERINTAH PERLEMBAGAAN

(RAYUAN KEPADA SULTAN DALAM MAJLIS MESYUARAT) (PINDAAN), 2008

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 80 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Perlembagaan (Rayuan kepada Sultan dalam Majlis Mesyuarat) (Pindaan), 2008 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Pemasyhuran Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004 [S 65/04].

Pindaan S 103/59.

2. Perintah Perlembagaan (Rayuan kepada Sultan dalam Majlis Mesyuarat), 1959 adalah dipinda dengan memansuhkan perenggan (ب) bab 1(2).

Diperbuat pada hari ini 6 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1429 bersamaan dengan 15 haribulan Januari, 2008 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**